

D.R. 4/2004

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk meminda Akta Insurans Luar Pesisir 1990.

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Insurans Luar Pesisir (Pindaan) 2004.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Pindaan seksyen 2

2. Akta Insurans Luar Pesisir 1990 [*Akta 444*], yang disebut "Akta ibu" dalam Akta ini, dipinda dalam subseksyen 2(1) —

(a) dalam takrif "perniagaan insurans luar pesisir", dengan memasukkan selepas perkataan "perniagaan insurans kaptif luar pesisir" perkataan "dan apa-apa perniagaan insurans luar pesisir lain sebagaimana yang diluluskan oleh Bank"; dan

(b) dengan memasukkan selepas takrif "perniagaan insurans semula" takrif yang berikut:

"pihak berkuasa penyeliaan dalam negeri" ertinya mana-mana badan atau pihak berkuasa yang bertanggungjawab bagi penyeliaan sesuatu pemegang lesen di mana-mana negara;¹.

Pindaan seksyen 5

3. Seksyen 5 Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas subseksyen (2) subseksyen yang berikut:

"(3) Kecuali dengan kelulusan bertulis Bank terlebih dahulu, seseorang yang bukan pemegang lesen tidak boleh memakai atau menggunakan perkataan "penanggung insurans luar pesisir", "pengurus insurans luar pesisir", "pengurus pengunderaitan luar pesisir", "broker insurans luar pesisir" atau apa-apa terbitan daripada perkataan itu dalam apa-apa bahasa yang boleh ditafsirkan sebagai menunjukkan penjalanan perniagaan insurans luar pesisir atau aktiviti berhubung dengan insurans luar pesisir oleh orang itu."

Pindaan seksyen 6

4. Seksyen 6 Akta ibu dipinda—

(a) dalam subseksyen (1)—

(i) dalam perenggan (b)—

(A) dalam subperenggan (i), dengan memotong perkataan "atau kedua-duanya,"; dan

(B) dalam subperenggan (i), (ii) dan (iii), dengan memasukkan selepas perkataan "mata wang asing" perkataan "atau apa-apa amaun lain yang lebih tinggi sebagaimana yang ditentukan oleh Bank";

- (ii) dalam perenggan (*d*), dengan memotong perkataan "dan" di hujung perenggan itu;
- (iii) dalam subperenggan (e)(ii) —
 - (A) dengan memasukkan selepas perkataan "pengunderaitan luar pesisir" perkataan "atau pengurus insurans luar pesisir"; dan
 - (B) dengan menggantikan noktah di hujung subperenggan itu dengan koma bernoktah; dan
- (iv) dengan memasukkan selepas perenggan (*e*) perenggan yang berikut:
 - "(f) kecuali berhubung dengan permohonan untuk menjalankan perniagaan insurans kaptif luar pesisir, pemohon ialah anggota mana-mana persatuan insurans yang diiktiraf sebagaimana yang ditentukan oleh Bank; dan
 - (g) pemohon akan menjadi anggota Suatu persatuan penanggung insurans luar pesisir Labuan."; dan
- (b) dalam subseksyen (3)—
 - (i) dalam perenggan (*b*), dengan memotong perkataan "atau kedua-duanya";
 - (ii) dalam subperenggan (e)(i)~
 - (A) dalam subsubperenggan (B), dengan memotong perkataan "dan" di hujung subsubperenggan itu;
 - (B) dalam subsubperenggan (C), dengan memasukkan perkataan "dan" di hujung subsubperenggan itu; dan
 - (C) dengan memasukkan selepas subsubperenggan (C) subsubperenggan yang berikut:
 - "(D) kecuali berhubung dengan permohonan untuk menjalankan perniagaan insurans kaptif luar pesisir, suatu surat kesedaran daripada pihak berkuasa penyeliaan dalam negeri pemohon atau mana-mana pihak berkuasa sebagaimana yang ditentukan oleh Bank."

Pindaan seksyen 7**5. Subseksyen 7(1) Akta ibu dipinda—**

- (a) dalam perenggan (c), dengan memotong perkataan "dan" di hujung perenggan itu;
- (b) dalam subperenggan (d)(ii), dengan menggantikan noktah di hujung subperenggan itu dengan koma bernoktah; dan
- (c) dengan memasukkan selepas perenggan (d) perenggan yang berikut:
 - "(e) pemohon sama ada telah memperoleh atau akan memperoleh apa-apa polisi insurans tanggung rugi profesional yang tidak kurang daripada dua juta lima ratus ribu ringgit atau amaun yang setara dengannya dalam mana-mana mata wang asing atau apa-apa amaun lain yang lebih tinggi sebagaimana yang ditentukan oleh Bank, dan tetap ditanggung rugi di bawah polisi itu sepanjang pengendaliannya di Labuan;
 - (f) pemohon mempunyai apa-apa kelayakan sebagaimana yang ditentukan oleh Bank;
 - (g) pemohon ialah anggota mana-mana persatuan yang diiktiraf sebagaimana yang ditentukan oleh Bank; dan
 - (h) pemohon akan menjadi anggota suatu persatuan penanggung insurans luar pesisir Labuan."

Pindaan seksyen 8

6. Seksyen 8 Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan "lesen patut diberikan atau tidak diberikan dan, jika lesen diberikan" dengan perkataan "permohonan bagi mendapatkan lesen itu patut diluluskan atau ditolak dan, jika diluluskan".

Pindaan seksyen 9

7. Akta ibu dipinda dengan menggantikan seksyen 9 dengan seksyen yang berikut:

"Pemberian lesen

9. (1) Apabila menerima permohonan bagi mendapatkan lesen, dan syor Bank di bawah seksyen 8, Menteri boleh meluluskan permohonan itu, dengan atau tanpa syarat, atau menolak permohonan itu.

(2) Jika Menteri menolak permohonan itu, Bank hendaklah dengan segera memberitahu pemohon secara bertulis tentang penolakannya dan tidaklah dikehendaki memberikan apa-apa sebab bagi penolakan itu kepada pemohon.

(3) Jika Menteri meluluskan lesen di bawah subseksyen (1), Bank hendaklah mengeluarkan lesen kepada pemohon."

Pindaan seksyen 16

8. Akta ibu dipinda dengan menggantikan seksyen 16 dengan seksyen yang berikut:

"Pelantikan juruaudit

16. (1) Tiap-tiap pemegang lesen hendaklah melantik seorang juruaudit pada setiap tahun dalam apa-apa tempoh sebagaimana yang ditentukan oleh Bank.

(2) Seseorang juruaudit yang dilantik di bawah subseksyen (1) hendaklah menjalankan pengauditan akaun atau apa-apa bidang lain yang ditentukan oleh Bank tentang perniagaan dan pengendalian pemegang lesen di, dari dan melalui Wilayah Persekutuan Labuan dan hendaklah mengemukakan laporan pengauditan itu berserta dengan ulasannya mengenai sistem perakaunan dan kawalan pemegang lesen itu kepada Bank.

(3) Tertakluk kepada seksyen 25, Bank boleh, pada bila-bila masa, menghendaki juruaudit supaya mengemukakan kepada Bank apa-apa penjelasan yang berhubungan dengan auditnya sebagaimana yang ditentukan oleh Bank.

(4) Seseorang juruaudit hendaklah dengan segera melaporkan kepada Bank jika, semasa menjalankan kewajipannya sebagai juruaudit pemegang lesen, dia berpuas hati bahawa—

- (a) telah berlaku Suatu pelanggaran peruntukan Akta ini atau bahawa suatu kesalahan di bawah mana-mana undang-undang bertulis telah dilakukan oleh pemegang lesen itu atau mana-mana pekerjanya;
- (b) apa-apa ketidakteraturan yang memudaratkan kepentingan pemunya polisi atau pemiutang pemegang lesen itu, atau apa-apa ketidakaturan serius yang lain, telah berlaku; atau
- (c) kehendak-kehendak subseksyen 17(2), (3) dan (4) terpakai bagi penanggung insurans luar pesisir itu."

Seksyen baru 16A dan 16B

9. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 16 seksyen yang berikut:

"Audit dalaman dan juruaudit dalaman

16A. (1) Tiap-tiap pemegang lesen hendaklah menjalankan pengauditan dalaman ke atas buku dan pengendalian pemegang lesen itu pada setiap tahun dan hendaklah mengemukakan kepada Bank suatu laporan pengauditan dalaman itu berserta dengan ulasan juruaudit dalaman itu yang termasuklah ulasan mengenai sistem perakaunan dan kawalan pemegang lesen itu.

(2) Bagi maksud seksyen ini, sesuatu pengauditan dalaman pemegang lesen hendaklah dijalankan—

- (a) oleh pegawai-pegawai yang ciiberi kuasa dari ibu pejabat atau syarikat induk pemegang lesen atau mana-mana perbadanan yang berkaitan dengan pemegang lesen;
- (b) oleh pengurus insurans luar pesisir berlesen yang berkeelayakan sebagaimana yang diluluskan oleh Bank; atau

(c) dalam hal yang pemegang lesen yang sama ada merupakan seorang individu atau tidak mempunyai juruaudit dalaman, oleh seorang juruaudit yang bukan juruaudit yang sama yang dilantik bagi maksud seksyen 16.

(3) Bank boleh dari semasa ke semasa menentukan terma atau ruang lingkup pengauditan dalaman yang akan dijalankan di bawah subseksyen (1).

(4) Seseorang juruaudit dalaman yang dilantik oleh pemegang lesen untuk menjalankan pengauditan dalaman di bawah subseksyen (1) hendaklah bagi maksud Akta ini disifatkan sebagai pegawai pemegang lesen dan hendaklah, pada setiap masa, tertakluk kepada seksyen 25.

(5) Peruntukan subseksyen 16(4) hendaklah terpakai bagi juruaudit dalaman.

Pelantikan aktuari

16B. Tiap-tiap penanggung insurans luar pesisir yang menjalankan perniagaan insurans nyawa hendaklah melantik seorang aktuari pada setiap tahun dalam apa-apa tempoh sebagaimana yang ditentukan oleh Bank."

Pindaan seksyen 17

10. Seksyen 17 Akta ibu dipinda—

(a) dalam subseksyen (1) —

(i) dengan memasukkan selepas perkataan "Tiap-tiap penanggung insurans luar pesisir" perkataan ", termasuk pemegang lesen yang menjalankan perniagaan insurans kaptif luar pesisir,"; dan

(ii) dengan menggantikan perenggan (a) dengan perenggan yang berikut:

"(a) suatu amaun—

(i) yang merupakan lima puluh peratus daripada amaun wang kerja yang disyaratkan di bawah perenggan 6(1)(b), bagi tahun pertama pengendaliannya; dan

(ii) yang merupakan amaun wang kerja yang disyaratkan di bawah perenggan 6(1)(b), bagi tahun-tahun yang berikutnya; atau"; dan

(b) dengan memotong subseksyen (5).

Seksyen baru 19A

11. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 19 seksyen yang berikut:

"Penentuan pengemukaan penanggung insurans luar pesisir

19A. (1) Bank, atau pihak berkuasa penyeliaan dalam negeri sesuatu penanggung insurans luar pesisir jika diluluskan sedemikian oleh Bank, boleh dari semasa ke semasa memeriksa dan meneliti, di bawah syarat kerahsiaan, buku atau dokumen, akaun dan urus niaga lain mana-mana penanggung insurans luar pesisir dan pejabat mana-mana penanggung insurans luar pesisir bagi maksud menentusahkan pengemukaan di bawah seksyen 16, 16A dan 19 atau bagi apa-apa maksud lain yang didapati perlu oleh Bank.

(2) Tiada apa-apa jua dalam seksyen ini boleh membenarkan Bank atau pihak berkuasa penyeliaan dalam negeri untuk bertanya secara khusus tentang identiti, akaun atau hal ehwal mana-mana pemunya polisi yang tertentu bagi mana-mana penanggung insurans luar pesisir tertentu kecuali sebagaimana yang dibenarkan oleh seksyen 25."

Pindaan seksyen 25

12. Akta ibu dipinda dengan menggantikan seksyen 25 dengan seksyen yang berikut:

"Kerahsiaan pada pihak pemegang lesen

25. (1) Tiada pengarah atau pegawai seseorang pemegang lesen dan tiada seorang pun yang ada akses kepada maklumat atau dokumen yang berhubungan dengan hal ehwal atau akaun mana-mana pemunya polisi boleh mendedahkan kepada mana-

mana orang, atau membuat catatan untuk mana-mana orang tentang, apa-apa maklumat atau dokumen yang berhubungan dengan hal ehwal atau akaun mana-mana pemunya polisi kecuali—

- (a) bagi maksud pelaksanaan kewajipannya atau perjalanan fungsinya di bawah Akta ini;
- (b) apabila dikehendaki di sisi undang-undang supaya membuat pendedahan itu oleh mana-mana mahkamah atau di bawah peruntukan mana-mana undang-undang yang berhubungan dengan perniagaan kewangan luar pesisir yang sedang berkuat kuasa di Wilayah Persekutuan Labuan;
- (c) dengan keizinan pemunya polisi atau wakil dirinya;
- (d) dalam masa membuat peletakan perniagaan insurans semula; atau
- (e) bagi maksud memudahkan fungsi pengawalseliaan Bank.

(2) Tiada apa-apa jua dalam subseksyen ini boleh menghalang Bank, sebagaimana yang dibenarkan di bawah Akta Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan 1996 atau Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram 2001 [Akta 613], untuk memberikan maklumat yang disebut dalam subseksyen (1) kepada mana-mana pihak berkuasa penyeliaan dalam negeri seseorang pemegang lesen."

Bahagian baru IVA

13. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas Bahagian IV Bahagian yang berikut:

"BAHAGIAN IVA

PEMBAYARAN WANG POLISI DI BAWAH POLISI NYAWA DAN POLISI KEMALANGAN DIRI

Pemakaian Bahagian ini

25A. Dalam Bahagian ini, sebutan mengenai sesuatu polisi ialah sebutan mengenai polisi nyawa, termasuk sesuatu polisi nyawa di bawah seksyen 23 Akta Undang-Undang Sivil 1956

[Akta 67], dan sesuatu polisi kemalangan diri yang diambil oleh pemunya polisi atas nyawanya sendiri yang memperuntukkan bagi pembayaran wang polisi apabila dia mati.

Kuasa untuk membuat penamaan

25B. (1) Seseorang pemunya polisi yang telah mencapai umur lapan belas tahun boleh menamakan seorang orang sebenar untuk menerima wang polisi yang kena dibayar apabila dia mati di bawah polisi itu dengan memberitahu penanggung insurans luar pesisir secara bertulis mengenai nama, tarikh lahir, nombor kad pengenalan atau nombor sijil kelahiran dan alamat penama itu pada masa polisi itu dikeluarkan.

(2) Jika penamaan dibuat selepas polisi dikeluarkan, pemunya polisi hendaklah mengemukakan polisi itu berserta dengan butir-butir penama yang disebut dalam subseksyen (1) bagi pengendorsan penanggung insurans luar pesisir mengenai penamaan atas polisi itu.

(3) Sesuatu penamaan yang dibuat di bawah subseksyen (1) hendaklah disaksikan oleh seseorang yang sempurna akal yang telah mencapai umur lapan belas tahun dan bukan seorang penama yang dinamakan di bawah subseksyen itu.

(4) Penanggung insurans luar pesisir—

- (a) hendaklah memaparkan dengan jelas dalam borang penamaan suatu notis bahawa pemunya polisi itu hendaklah menyerahkan faedah polisi itu kepada penamanya jika niatnya adalah supaya penamanya, selain suami atau isteri, anak atau ibu atau bapanya, menerima faedah polisi itu secara benefisial dan tidak sebagai wasi;
- (b) hendaklah merekodkan penamaan dan butir-butir penama dalam daftar polisinya; dan
- (c) hendaklah mendaftarkan penamaan yang dibuat di bawah subseksyen (1) dalam daftar polisinya dan penamaan itu hendaklah mula berkuat kuasa dari tarikh penamaan itu didaftarkan.

(5) Sesuatu kegagalan untuk mematuhi subseksyen (4) tidaklah menyentuh kesahan penamaan itu jika dibuktikan selainnya bahawa penamaan itu telah diberitahukan oleh pemunya polisi dan telah diberikan kepada penanggung insurans luar pesisir bagi pengendorsan pada polisi itu.

(6) Sesuatu penamaan yang dibuat di bawah subseksyen (1) boleh dibuat bagi faedah seseorang atau beberapa orang dan jika orang yang dinamakan itu lebih daripada seorang, pemunya polisi boleh mengarahkan supaya bahagian yang ditentukan dibayar kepada orang yang dinamakan dan jika pemunya polisi tidak membuat apa-apa arahan, penanggung insurans luar pesisir hendaklah membayar bahagian yang sama banyak kepada orang itu.

Pembatalan penamaan

25c. (1) Sesuatu penamaan, termasuk sesuatu penamaan yang baginya seksyen 25E terpakai, hendaklah dibatalkan —

- (a) apabila penama mati, atau jika terdapat lebih daripada seorang penama, apabila kesemua penama mati, semasa hayat pemunya polisi;
- (b) melalui sesuatu notis secara bertulis yang diberikan oleh pemunya polisi; atau
- (c) dengan apa-apa penamaan terkemudian.

(2) Tertakluk kepada subseksyen (1), sesuatu penamaan tidaklah terbatal dengan wasiat atau oleh sebab apa-apa tindakan, kejadian atau cara lain.

(3) Jika terdapat lebih daripada seorang penama dan salah seorang daripada penama itu mati dahulu daripada pemunya polisi, dan pemunya polisi tidak membuat apa-apa penamaan selepas itu bagi melupuskan bahagian penama yang mati, penanggung insurans luar pesisir itu hendaklah membayar bahagian penama yang mati itu kepada penama yang masih hidup mengikut nisbah bahagian masing-masing.

Pembayaran wang polisi apabila ada penamaan

25D. (1) Tertakiuk kepada subseksyen (2), jika seseorang pemunya polisi mati setelah membuat sesuatu penamaan, penanggung insurans luar pesisir hendaklah membayar wang polisi pemunya polisi yang mati itu mengikut arahan penamaan itu apabila menerima sesuatu tuntutan daripada penama dan tuntutan itu disertai dengan bukti kematian pemunya polisi itu.

(2) Jika seseorang penama gagal menuntut wang polisi dalam masa dua bulan selepas penanggung insurans luar pesisir menyedari tentang kematian pemunya polisi, penanggung insurans luar pesisir itu hendaklah memberitahu penama itu secara bertulis di alamatnya yang terakhir diketahui mengenai haknya untuk menuntut wang polisi itu.

(3) Jika seseorang penama gagal untuk menuntut wang polisi dalam masa dua belas bulan selepas pemberitahuan di bawah subseksyen (2), seksyen 25H hendaklah terpakai seolah-olah tiada penamaan telah dibuat.

(4) Jika seseorang penama, selain penama di bawah seksyen 25E, mati selepas kematian pemunya polisi tetapi sebelum apa-apa wang polisi dibayar kepadanya sebagai penama, seksyen 25c atau seksyen 25H hendaklah terpakai bagi polisi itu, mengikut mana-mana yang berkenaan.

Pemegang amanah wang polisi

25E. (1) Sesuatu penamaan oleh pemunya polisi, selain seorang pemunya polisi yang beragama Islam, hendaklah mewujudkan suatu amanah bagi faedah penama mengenai wang polisi yang kena dibayar atas kematian pemunya polisi, jika—

- (a) penama ialah suami atau isteri atau anaknya; atau
- (b) sekiranya tidak ada suami atau isteri atau anak yang hidup pada masa penamaan itu, penama ialah ibu atau bapanya.

(2) Suatu pembayaran di bawah subseksyen (1) tidaklah menjadi sebahagian daripada harta pusaka pemunya polisi yang mati atau tertakluk kepada hutangnya.

(3) Pemunya polisi, melalui polisi itu, atau melalui notis secara bertulis kepada penanggung insurans luar pesisir, boleh melantik pemegang amanah bagi wang polisi itu dan jika tidak ada pemegang amanah —

(a) penama yang berwibawa untuk berkontrak; atau

(b) jika penama tidak berwibawa untuk berkontrak, ibu atau bapa penama yang tidak berwibawa itu dan jika tidak ada ibu atau bapa yang masih hidup, Pemegang Amanah Raya,

hendaklah menjadi pemegang amanah wang polisi itu dan penerimaan seseorang pemegang amanah hendaklah menjadi pelepasan kepada penanggung insurans luarpesisir bagi kesemua liabiliti yang berkenaan dengan wang polisi yang telah dibayar kepada pemegang amanah itu.

(4) Seseorang pemunya polisi tidak boleh membuat urusan mengenai sesuatu polisi yang baginya subseksyen (1) terpakai dengan membatalkan sesuatu penamaan di bawah polisi itu, dengan mengubah atau menyerahkan polisi itu, atau dengan menyerahhakkan atau menyandarkan polisi itu sebagai cagaran, tanpa keizinan bertulis pemegang amanah.

(5) Tiada apa-apa jua dalam seksyen ini boleh menjejaskan seseorang pemiutang pemunya polisi daripada memohon kepada mahkamah bagi suatu pengisytiharan bahawa seksyen ini, keseluruhannya atau sebahagiannya, tidak terpakai bagi mana-mana polisi tertentu atas alasan bahawa premium di bawah polisi itu telah dibayar untuk menipu pemiutang itu.

Penama selain penama di bawah subseksyen 25E(1)

25F. (1) Seseorang penama, selain penama di bawah subseksyen 25E(1), hendaklah menerima wang polisi yang kena dibayar atas kematian pemunya polisi itu sebagai wasi dan tidak semata-mata sebagai benefisiari dan apa-apa pembayaran kepada penama itu hendaklah menjadi sebahagian daripada harta pusaka

pemunya polisi yang mati dan tertakluk kepada hutangnya dan penanggung insurans luar pesisir hendaklah dilepaskan daripada liabiliti berkenaan dengan wang polisi yang dibayar.

(2) Subseksyen (1) terpakai bagi seseorang penama pemunya polisi yang beragama Islam yang, apabila menerima wang polisi itu, hendaklah membahagikan wang polisi itu mengikut undang-undang Islam.

Wang polisi yang diserahkan atau disandarkan

25G. (1) Walaupun ada penamaan di bawah seksyen 25B atau pewujudan suatu amanah di bawah subseksyen 25E(1), jika wang polisi, keseluruhannya atau sebahagiannya, telah disandarkan sebagai cagaran atau diserahkan kepada seseorang, tuntutan orang yang berhak di bawah cagaran itu atau penerima serah hak itu hendaklah diberi keutamaan mengatasi tuntutan penama itu dan, tertakluk kepada pemeliharaan hak-hak di bawah cagaran atau serah hak itu, penanggung insurans luar pesisir hendaklah membayar baki wang polisi kepada penama itu.

(2) Jika terdapat lebih daripada seorang yang berhak di bawah cagaran atau serah hak itu, hak setiap orang yang berhak di bawah cagaran atau serah hak itu hendaklah mengikut aturan keutamaan yang mengikut keutamaan tarikh cagaran atau serah hak itu diwujudkan, dengan kedua-dua cagaran dan serah hak itu dianggap sebagai satu kelas bagi maksud ini.

Pembayaran wang polisi jika tidak ada penamaan

25H. (1) Jika pemunya polisi suatu polisi mati tanpa membuat penamaan, tertakluk kepada seksyen 25G, penanggung insurans luar pesisir hendaklah membayar wang polisi pemunya polisi yang mati itu kepada pemohon yang mengemukakan Pemberian Probet atau Surat Kuasa Pentadbiran atau Perintah Pembahagian.

(2) Tertakluk kepada subseksyen (1), penanggung insurans luar pesisir boleh membayar kepada suami atau isteri, anak atau ibu atau bapa pemunya polisi mengikut aturan keutamaan itu dan jika terdapat lebih daripada seorang isteri, anak atau ibu bapa, dalam bahagian yang sama kepada setiap orang

dalam kelas itu dan jika tiada suami atau isteri, anak atau ibu atau bapa dan —

- (a) jika wang polisi tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau apa-apa amaun lain yang lebih banyak sebagaimana yang ditetapkan, penanggung insurans luar pesisir boleh membayar kesemua wang polisi itu tanpa menghendaki Pemberian Probet atau Surat Kuasa Pentadbiran atau Perintah Pembahagian —
 - (i) kepada orang yang memuaskan hati penanggung insurans luar pesisir sebagai berhak dan berkemungkinan akan diberi Pemberian Probet atau Surat Kuasa Pentadbiran atau Perintah Pembahagian; atau
 - (ii) kepada orang yang memuaskan hati penanggung insurans luar pesisir sebagai berhak secara benefisial kepada harta pusaka pemunya polisi yang mati; atau
- (b) jika wang polisi lebih daripada satu ratus ribu ringgit, atau apa-apa amaun lain yang lebih banyak sebagaimana yang ditetapkan, penanggung insurans luar pesisir boleh membayar kepada orang yang disebut dalam subperenggan (a)(i) atau (ii) amaun yang disebut dalam perenggan itu dan tertakluk kepada subseksyen (6), membayar kepada orang itu baki wang polisi apabila Pemberian Probet atau Surat Kuasa Pentadbiran atau Perintah Pembahagian dikemukakan.

(3) Dalam seksyen ini, sebutan mengenai wang polisi ialah sebutan mengenai amaun agregat wang polisi berkenaan dengan kesemua polisi pemunya polisi dengan penanggung insurans luar pesisir itu jika tidak ada penamaan.

(4) Pemberian Probet atau Surat Kuasa Pentadbiran atau Perintah Pembahagian yang diberikan atau yang mempunyai kuat kuasa seolah-olah telah diberikan, berkenaan dengan harta pusaka diri yang meliputi wang polisi, oleh mahkamah di Malaysia atau pihak berkuasa yang berwibawa di luar Malaysia, atau salinan yang diperakunya hendaklah menjadi bukti yang mencukupi kepada penanggung insurans luar pesisir untuk membayar wang polisi itu kepada orang yang kepadanya pemberian itu dibuat.

(5) Penanggung insurans luar pesisir itu boleh menerima Pemberian Probet atau Surat Kuasa Pentadbiran atau Perintah Pembahagian atau apa-apa dokumen lain yang mempunyai kuat kuasa yang sama, yang diberikan oleh suatu mahkamah di Malaysia atau pihak berkuasa yang berwibawa di luar Malaysia, sebagai bukti yang mencukupi untuk membayar wang polisi pemunya polisi yang mati kepada orang yang kepadanya pemberian itu dibuat, dengan syarat bahawa Pemberian Probet atau Surat Kuasa Pentadbiran atau Perintah Pembahagian atau dokumen yang mempunyai kuat kuasa yang sama itu telah didaftarkan dengan sewajarnya di mahkamah di Malaysia dan dimeterai mengikut Akta Probet dan Pentadbiran 1959 [Akta.97].

(6) Jika, setelah tamat tempoh dua belas bulan selepas suatu pembayaran di bawah perenggan (2)(b) dibuat oleh seseorang penanggung insurans luar pesisir, dan baki wang polisi itu masih kena dibayar dan tidak ada tuntutan dibuat oleh orang yang memegang Pemberian Probet atau Surat Kuasa Pentadbiran atau Perintah Pembahagian, penanggung insurans luar pesisir hendaklah membayar baki wang polisi itu kepada orang yang telah menerima bayaran awal wang polisi itu.

(7) Wang polisi yang dibayar di bawah seksyen ini hendaklah disifatkan sebagai telah dibayar dengan sewajarnya dan penanggung insurans luar pesisir hendaklah dilepaskan daripada liabiliti berkenaan dengan wang polisi yang telah dibayar sedemikian walaupun tidak ada atau terdapat ketidaksahan, atau apa-apa kecacatan dalam Pemberian Probet atau Surat Kuasa Pentadbiran atau Perintah Pembahagian atau apa-apa dokumen lain yang mempunyai kuat kuasa yang sama.

(8) Seseorang yang kepadanya suatu pembayaran boleh dibuat di bawah seksyen ini hendaklah memberikan suatu resit yang hendaklah disifatkan sebagai resit yang sah.

Pembayaran kepada orang yang tidak berwibawa untuk berkontrak

25I. Jika seseorang belum mencapai umur lapan belas tahun, atau disahkan oleh pengamal perubatan dalam perkhidmatan awam sebagai tidak sempurna akal dan tidak ada jawatankuasa

harta pusaknya telah dilantik, atau menjadi tidak upaya, oleh sebab kelemahan akal atau tubuh, untuk menguruskan dirinya sendiri dan harta dan hai ehwalnya, penanggung insurans luar pesisir—

(a) dalam hal seorang penama di bawah subseksyen **25E(1)-**

(i) jika wang polisi ialah sepuluh ribu ringgit atau kurang atau apa-apa amaun lain sebagaimana yang ditetapkan, boleh membayar kepada seseorang yang memuaskan hati penanggung insurans luar pesisir bahawa dia akan menggunakan wang polisi itu bagi saraan dan faedah penama di bawah subseksyen 25E(1), atau seseorang yang kepadanya wang polisi kena dibayar di bawah subseksyen 25H(2) atau (6), tertakluk kepada pelaksanaan aku janji oleh orang itu bahawa wang polisi itu akan digunakan semata-mata bagi saraan dan faedah penama itu; dan

(ii) jika wang polisi adalah lebih daripada amaun dalam subperenggan (a)(i), hendaklah membayar kepada Pemegang Amanah Raya atau suatu syarikat amanah yang dinamakan oleh Pemegang Amanah Raya; atau

(b) dalam hal seseorang yang kepadanya wang polisi kena dibayar di bawah subseksyen 25H(2) atau (6), hendaklah membayar kepada Pemegang Amanah Raya atau suatu syarikat amanah yang dinamakan oleh Pemegang Amanah Raya.

Pembahagian wang polisi dalam perjalanan pentadbiran

25J. Seseorang yang kepadanya wang polisi boleh dibayar di bawah seksyen 25H hendaklah menerima wang polisi itu sebagai wasi dan tidak semata-mata sebagai benefisiari dan hendaklah membahagikan wang polisi itu dalam perjalanan pentadbiran harta pusaka si mati mengikut terma wasiat si mati, dan jika tidak ada apa-apa wasiat, mengikut undang-undang yang terpakai bagi pentadbiran, pembahagian dan pelupusan harta pusaknya kerana kematiannya tidak berwasiat.

Bahagian ini mengatasi polisi dan mana-mana undang-undang bertulis lain

25K. (1) Bahagian ini hendaklah mempunyai kuat kuasa berhubung dengan sesuatu polisi yang berkuat kuasa pada atau selepas permulaan kuatkuasanya. dan berhubung dengan penamaan yang dibuat sebelum, pada atau selepas permulaan kuat kuasanya, walau apa pun apa-apa jua yang terkandung dalam polisi itu, dan tiada apa-apa jua yang terkandung dalam sesuatu polisi boleh mengurangkan daripada, atau ditafsirkan sebagai mengurangkan dengan apa-apa cara atau sehingga apa-apa takat daripada, Bahagian ini.

(2) Bahagian ini hendaklah mempunyai kesan dan kuat kuasa penuh walau apa pun apa-apa jua yang tidak selaras dengan atau yang bertentangan dengan mana-mana undang-undang bertulis lain yang berhubungan dengan probet, pentadbiran, pembahagian atau pelupusan harta pusaka si mati, atau dalam apa-apa rukun undang-undang, amalan atau adat yang berhubungan dengan perkara itu."

Pindaan seksyen 30

14. Seksyen 30 Akta ibu dipinda—

- (a) dengan menggantikan perkataan "Gabenor" di mana-mana jua terdapat dengan perkataan "Bank"; dan
- (b) dalam subseksyen (1), dengan menggantikan perkataan "persetujuan Menteri, dalam sesuatu kes jika difikirkannya patut dan sesuai berbuat demikian" dengan perkataan "keizinan bertulis Pendakwa Raya terlebih dahulu".

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Insurans Luar Pesisir 1990 ("Akta 444").

2. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan ten tang permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan.

3. *Fasal 2* bertujuan untuk memasukkan takrif "pihak berkuasa penyeliaan dalam negeri" dan meminda takrif "perniagaan insurans luar pesisir" untuk memberi Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan (LOFSA) kelenturan untuk meluluskan perniagaan insurans luar pesisir jenis baru.

4. *Fasal 3* bertujuan untuk meminda seksyen 5 Akta 444 untuk melarang penggunaan perkataan "penanggung insurans luar pesisir" atau "pengurus insurans luar pesisir" atau "pengurus pengunderaitan luar pesisir" atau "broker insurans luar pesisir" oleh orang yang tidak berlesen tanpa kelulusan bertulis LOFSA terlebih dahulu.

5. *Fasal 4* bertujuan untuk meminda subseksyen 6(1) dan (3) Akta 444. Subseksyen 6(1) seperti dipinda akan memberikan kelenturan kepada peruntukan wang kerja pemegang lesen perniagaan insurans luar pesisir dengan LOFSA diberi kuasa untuk menentukan amaun wang kerja yang lebih tinggi bagi syarikat insurans yang besar yang mempunyai pendedahan yang lebih besar. Dengan pindaan ini peruntukan yang membenarkan hanya pemohon yang menjadi anggota mana-mana persatuan insurans yang diiktiraf sebagaimana yang ditentukan oleh LOFSA untuk memohon lesen di Labuan dan yang menghendaki semua perniagaan insurans luar pesisir, kecuali perniagaan insurans kaptif luar pesisir, menjadi anggota persatuan penanggung insurans luar pesisir Labuan juga dimasukkan bagi memastikan wujud penyelarasan dan pengawasan yang lebih baik oleh LOFSA. Pindaan kepada subseksyen 6(3) memperuntukkan bahawa permohonan bagi mendapatkan lesen, kecuali permohonan untuk menjalankan perniagaan insurans kaptif luar pesisir, hendaklah disertakan dengan surat kesedaran daripada pihak berkuasa penyeliaan dalam negeri pemohon bagi memastikan bahawa permohonan itu dibuat oleh pemohon yang tulus.

6. *Fasal 5* bertujuan untuk meminda subseksyen 7(1) Akta 444 untuk mengadakan peruntukan bagi menghendaki pengurus insurans luar pesisir, pengurus pengunderaitan luar pesisir atau broker insurans luar pesisir memperoleh perlindungan insurans tanggung rugi profesional. Pindaan ini juga bertujuan untuk membenarkan hanya pemohon yang mempunyai kelayakan yang tertentu, yang menjadi anggota mana-mana persatuan insurans yang diiktiraf sebagaimana yang ditentukan oleh LOFSA dan yang akan menjadi anggota suatu persatuan penanggung insurans luar pesisir Labuan untuk memohon lesen di bawah Akta 444.

7. *Fasal 7* bertujuan untuk meminda seksyen 9 Akta 444 untuk membenarkan LOFSA untuk mengeluarkan lesen dengan kelulusan Menteri. Pada masa ini fungsi ini dilaksanakan oleh Menteri. Dengan pindaan yang dicadangkan, kuasa untuk meluluskan lesen akan terus terletak hak pada Menteri tetapi lesen akan dikeluarkan oleh LOFSA.

8. *Fasal 8* bertujuan untuk meminda seksyen 16 Akta 444 untuk mengadakan peruntukan bagi pelantikan juruaudit luar oleh semua pemegang lesen dan juga menetapkan bidang tugas am bagi pelantikan mereka.

9. *Fasal 9* memasukkan ke dalam Akta 444 dua seksyen baru, iaitu seksyen 16A dan 16B. Seksyen 16A mengadakan peruntukan bagi menghendaki semua Pemegang lesen supaya menjalankan pengauditan dalaman ke atas buku dan pengendalian mereka pada setiap tahun, manakala seksyen 16B pula bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi pelantikan seorang aktuari oleh penanggung insurans luar pesisir yang menjalankan perniagaan insurans nyawa.

10. *Fasal 10* bertujuan untuk meminda subseksyen 17(1) Akta 444 untuk mengadakan suatu tahap margin kesolvenan yang praktikal bagi pemegang lesen perniagaan insurans luar pesisir, termasuk pemegang lesen yang menjalankan perniagaan insurans kaptif luar pesisir. Margin kesolvenan bagi tahun pertama pengendalian akan setara dengan atau lebih daripada lima puluh peratus daripada amaun wang kerja yang disyaratkan di bawah perenggan 6(1)(f) Akta 444. Seiepas itu, margin kesolvenan akan setara dengan atau lebih daripada amaun wang kerja.

11. *Fasal 11* bertujuan untuk memasukkan ke dalam Akta 444 seksyen baru 19A. Di bawah seksyen baru 19A kuasa diberikan kepada LOFSA atau pihak berkuasa penyeliaan dalam negeri penanggung insurans luar pesisir yang diluluskan LOFSA untuk memeriksa dan meneliti buku, akaun dan urus niaga mana-mana penanggung insurans luar pesisir bagi maksud menentusahkan pengemukaan yang dibuat atau bagi apa-apa maksud lain sebagaimana yang didapati perlu oleh LOFSA.

12. *Fasal 12* bertujuan untuk meminda seksyen 25 Akta 444 untuk menyef araskan peruntukan kerahsiaan antara Akta 444 dengan undang-undang lain yang berhubungan dengan perniagaan kewangan luar pesisir di Labuan. Ia juga adalah untuk mempertingkatkan fungsi pengawasan LOFSA dan juga untuk membolehkan perkongsian maklumat dan kerjasama antara LOFSA dengan pihak berkuasa penyeliaan tempatan atau asing.

13. *Fasal 13* bertujuan untuk memasukkan ke dalam Akta 444 Bahagian baru IVA yang menyatakan peruntukan yang berhubungan dengan hak pemunya polisi untuk menamakan mana-mana orang untuk menerima wang polisinya apabila dia mati dan peruntukan yang berhubungan dengan pembayaran wang polisi jika ada penamaan dan jika tiada penamaan dibuat. Ini adalah selaras dengan peruntukan Bahagian XIII Akta Insurans 1996 [*Akta 553*].

14. *Fasal 14* bertujuan untuk meminda seksyen 30 Akta 444 untuk memberi LOFSA kuasa untuk mengkompaun apa-apa kesalahan yang dilakukan oleh mana-mana orang di bawah seksyen 29 Akta 444 dengan keizinan bertulis Pendakwa Raya terlebih dahulu.

15. Pindaan-pindaan lain yang tidak disebut secara khusus dalam Huraian ini adalah pindaan yang kecil atau berbangkit.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

[PN(U²)2331]

A BILL

intituled

